

ANALISIS PENUKARAN KOD PELAJAR PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA JEPUN

(An Analysis of Code-Switching Among Students of the Malaysia Japan Higher Education Programme)

Mohammed Azlan Mis¹    

whg5026@ukm.edu.my

Nurhana Suhaimi

aniq83@yahoo.com

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (Coresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohammed Azlan Mis, & Nurhana Suhaimi. (2025). Analisis penukaran kod pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun. *Jurnal Bahasa*, 25(2), 321–342. [https://doi.org/10.37052/jb25\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jb25(2)no5)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has gone peer review process)

Peroleh: <i>Received:</i>	28/7/2025	Semakan: <i>Revised</i>	3/11/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	24/11/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	28/11/2025
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--	------------

Abstrak

Penukaran kod ialah fenomena biasa yang berlaku dalam pembelajaran bahasa asing. Namun begitu, penukaran kod yang berlebihan dan tidak terkawal dapat menjejaskan proses pembelajaran bahasa asing dan menyebabkan pelajar keliru dalam pembelajaran struktur bahasa sasaran. Oleh itu, pengkaji mengenal pasti bahasa yang bertukar kod dengan bahasa Jepun, menganalisis jenis penukaran kod berdasarkan kerangka penukaran kod oleh Poplack's (1980) yang mengklasifikasikan penukaran kod kepada tiga kategori utama, iaitu tag, interayat dan intraayat, serta menganalisis fungsi penukaran kod berdasarkan fungsi penukaran kod yang dikemukakan oleh Olcay (2005). Kajian ini melibatkan 73 orang responden daripada Program

Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun. Data yang digunakan ialah data berbentuk rakaman. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis penukaran kod, iaitu tag, intraayat dan interayat, ditemukan dalam ujaran responden. Dari segi fungsi penukaran kod pula, hanya empat daripada tujuh fungsi yang ditemukan, iaitu fungsi afektif, fungsi menahan giliran bertutur, fungsi kawalan konflik dan fungsi perubahan topik. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penukaran kod dalam kalangan pelajar yang belajar bahasa Jepun melibatkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan penukaran kod jenis intraayat mencatatkan kekerapan tertinggi. Menerusi kajian ini juga, pengkaji dapat menghubungkan fungsi sosial dengan penukaran kod yang berlaku dalam pembelajaran bahasa asing.

Kata kunci: Penukaran kod, tag, intraayat, interayat, bahasa Melayu, bahasa Jepun

Abstract

Code-switching is a common phenomenon in foreign language learning. However, excessive and uncontrolled code-switching can disrupt the learning process and cause learners to become confused when acquiring the structural features of the target language. Therefore, this study was conducted to identify the languages used alongside Japanese, analyse the types of code-switching based on Poplack's (1980) framework which classifies code-switching into three main categories, namely tag, intrasentential, and intersentential, and determine the functions of code-switching based on Olcay's (2005) classification. This study involved 73 respondents from the Malaysia-Japan Higher Education Programme, and the data used were in the form of recordings. The findings reveal that all three types of code switching (tag, intrasentential, and intersentential) were found in the respondents' utterances. In terms of functions, only four out of the seven code-switching functions were identified, namely the affective function, the turn-holding function, the conflict-control function, and the topic-shift function. The study also found that code-switching among students learning Japanese involved English and Malay, with intrasentential code-switching recording the highest frequency. Through this study, the researchers were able to relate the social functions to the code-switching that occurs in foreign language learning.

Keywords: Code-switching, tags, intrasentential, intersentential, Malay language, Japanese language

PENDAHULUAN

Penukaran kod ialah fenomena linguistik yang berlaku apabila penutur bertukar daripada satu bahasa atau dialek kepada bahasa atau dialek lain dalam perbualan yang sama. Menurut Poplack (1980), penukaran kod ialah peralihan antara dua bahasa dalam satu wacana, ayat atau unit bahasa tertentu. Bagi Gumperz (1982) pula, penukaran kod ialah penyisipan segmen ucapan daripada dua sistem tatabahasa atau subsistem yang berbeza dalam satu pertuturan yang sama. Oleh itu, penukaran kod menjadi strategi komunikasi yang berkesan, melambangkan identiti pelbagai budaya dan menunjukkan kepelbagaian bahasa dalam sesebuah masyarakat, seperti Malaysia yang didiami oleh pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India dan beberapa suku minoriti (Suthantiradevi, t.t). Kewujudan pelbagai bahasa di Malaysia melahirkan masyarakat yang dwibahasa atau multibahasa. Situasi ini secara langsung menyebabkan berlakunya penukaran kod, iaitu bahasa, seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan dialek tempatan dicampuradukkan dalam pertuturan harian masyarakat tersebut.

Penukaran kod tidak terhad dalam komunikasi biasa, sebaliknya dapat berlaku dalam pembelajaran bahasa. Contohnya, dalam kalangan pelajar Malaysia yang belajar bahasa Jepun untuk melanjutkan pengajiannya di Jepun. Dalam hal ini, fenomena mencampuradukkan bahasa sewaktu pertuturan bahasa Jepun dalam kelas bahasa Jepun kerap berlaku. Persoalan utama kajian ini adalah untuk menganalisis fenomena penukaran kod dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun. Kajian penukaran kod ini penting untuk menunjukkan interaksi struktur sintaksis dua bahasa, dan cara elemen bahasa asing disisipkan dalam bahasa Jepun tanpa mengganggu struktur ayat yang dituturkan.

Dalam konteks Malaysia, dwibahasa Melayu–Inggeris menjadi norma dalam komunikasi harian, termasuklah dalam bilik darjah. Fenomena ini memudahkan amalan penukaran kod kerana pelajar sudah biasa beralih bahasa berdasarkan situasi. Penyelidikan lepas menunjukkan bahawa penukaran kod dalam kelas bukan sekadar amalan spontan, tetapi berfungsi sebagai strategi pembelajaran. Misalnya, Farah Syuhada Roslan et al. (2023) mendapati bahawa guru menganggap penukaran kod sebagai kaedah untuk meningkatkan penyertaan dan pemahaman pelajar, manakala Nur’ Ain Elias et al. (2022) menyatakan bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi positif terhadap penggunaannya dalam pembelajaran bahasa Inggeris di bilik darjah. Hal ini membuktikan bahawa dalam

suasana dwibahasa, penukaran kod dapat digunakan secara pedagogi untuk menyokong pembelajaran bahasa asing.

Permasalahan Kajian

Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun ialah program sarjana muda secara berkembar yang dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun di Malaysia dan dua tahun di Jepun. Umumnya, pelajar yang mengikuti pengajian Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun ini mempunyai kemahiran berbahasa Jepun yang baik kerana medium utama pengajian ialah bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun yang mempelajari bahasa Jepun tidak terkecuali daripada mengalami fenomena penukaran kod (Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin, 2021). Amalan penukaran kod oleh pelajar ini dibimbangi dapat mengganggu keupayaan pelajar berbahasa Jepun (Thurfatun Nadhifah et al., 2022). Oleh itu, fokus kajian ini adalah untuk menganalisis penukaran kod pelajar kelas bahasa Jepun yang melalui sistem pembelajaran bahasa Jepun secara intensif (Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin, 2021) dan menganalisis fungsi penukaran kod.

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan pendidikan bahasa asing yang sering dikaitkan dengan penukaran kod, khususnya komunikasi lisan oleh pelajar. Dalam hal ini, Nurmasturah Jamil et al. (2021) meneliti cara pelajar bahasa asing di Malaysia menggunakan bahasa ibundanya sebagai strategi komunikasi apabila menghadapi kesukaran ketika berinteraksi atau mempelajari bahasa asing, seperti bahasa Jepun, bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. Selain itu, Farah Syuhada Roslan et al. (2023), Mazlin Mohamed et al. (2022) dan Nur' Ain Elias et al. (2022) mendapati bahawa fenomena penukaran kod terhadap pendidikan bahasa Inggeris dan fenomena penukaran kod dalam kalangan pelajar mempengaruhi keberkesanan mata pelajaran yang diajar. Oleh itu, didapati bahawa kajian pendidikan bahasa Jepun dan penukaran kod perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh sarjana bahasa.

Dengan berdasarkan perkembangan pendidikan bahasa Jepun di Malaysia dan kajian lepas yang berkaitan dengan pendidikan bahasa Jepun, adalah jelas bahawa pembelajaran bahasa Jepun yang melibatkan penukaran kod masih kurang dikaji di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh penguasaan bahasa asing oleh pengkaji tersebut yang sangat terhad sehingga menyukarkan analisis kajian dilakukan. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini dapat membantu mengisi dan meluaskan kajian penukaran kod dalam pembelajaran bahasa Jepun.

KAJIAN LEPAS

Fenomena penukaran kod menjadi satu daripada strategi linguistik yang banyak dikaji dalam bidang pendidikan bahasa asing (Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin, 2021). Dalam bilik darjah yang pelajarnya mempunyai kemahiran dwibahasa atau berbilang bahasa, seperti di Malaysia, penukaran kod berlaku apabila guru dan pelajar bertukar daripada satu bahasa kepada bahasa lain untuk tujuan komunikasi, pemahaman atau strategi pedagogi. Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa fenomena ini mempunyai implikasi penting terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dan bahasa Jepun.

Nurmasturah Jamil et al. (2021), Farah Syuhada Roslan et al. (2023), Mazlin Mohamed Mokhtar et al. (2022) dan Nur' Ain Elias et al. (2022) menemukan konsistensi dalam penilaian peranan penukaran kod sebagai strategi pedagogi berkesan dalam pembelajaran bahasa di Malaysia. Nurmasturah Jamil et al. (2021) menekankan perspektif literatur, iaitu strategi berasaskan bahasa pertama, termasuklah penukaran kod untuk membantu penguasaan bahasa asing. Penemuan ini dilanjutkan secara empirikal oleh Farah Syuhada Roslan et al. (2023) yang mendapati bahawa guru melihat penukaran kod sebagai alat untuk meningkatkan penyertaan pelajar dan memudahkan pemahaman dalam kelas bahasa Inggeris. Sementara itu, Mazlin Mohamed Mokhtar et al. (2022) yang mengkaji korpus membuktikan bahawa fenomena ini berlaku secara sistematik di dalam bilik darjah politeknik, seterusnya, membuka ruang terhadap pembangunan data set dan penyelidikan lanjut berbasis data. Dari sudut persepsi pelajar, Nur' Ain Elias et al. (2022) melaporkan bahawa majoriti pelajar bahasa Inggeris menilai penukaran kod secara positif kerana menyokong kefahaman dan keyakinan berbahasa. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan dari segi saiz sampel yang terhad dan konteks khusus. Contohnya, satu sekolah menengah atau politeknik yang menghadkan generalisasi dapatan. Oleh itu, gabungan dapatan literatur, persepsi guru dan pelajar, serta bukti korpus menunjukkan keperluan penyelidikan berskala besar dan intervensi empirikal untuk menilai keberkesanan sebenar penukaran kod terhadap pencapaian bahasa jangka panjang.

Kajian penukaran kod masih menjadi amalan penting dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL). Menurut Low May dan Azlina Abdul Aziz (2020), guru bahasa Inggeris di sekolah vernakular Cina menggunakan penukaran kod bukan sahaja untuk menjelaskan isi pelajaran yang sukar, tetapi juga untuk mengurus kelas dan membina hubungan dengan pelajar. Sementara itu, Mazlin Mohamed Mokhtar et al.

(2022) dalam kajian terhadap politeknik di Malaysia mendapati bahawa penukaran kod berlaku dengan kerapnya dan berfungsi untuk memastikan kefahaman pelajar terhadap input bahasa Inggeris. Hasil kajian Dora Anak Raki dan Nur Ainil Sulaima (2021) pula menunjukkan bahawa guru menggunakan penukaran kod secara strategik, terutamanya ketika berhadapan dengan pelajar berkemahiran rendah bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan bahawa penggunaan penukaran kod secara berlebihan mengurangkan pendedahan pelajar terhadap bahasa sasaran (Krashen, 1985). Oleh itu, penggunaan yang seimbang dan terkawal dianggap paling sesuai untuk menyokong proses pembelajaran bahasa Inggeris.

Kajian yang dilakukan oleh Liebscher dan Jennifer Cain (2004) pula tentang penukaran kod oleh pelajar pendidikan bahasa asing. Pengkaji itu mengkaji sikap pelajar terhadap penukaran kod sewaktu pembelajaran pendidikan bahasa asing tahap tinggi. Bahasa yang dikaji ialah bahasa Jerman dan bahasa Inggeris. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ialah analisis komunikasi secara bilingual berdasarkan Auer (1984; 1995; 1998). Di samping itu, pengkaji tersebut turut menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Gumperz (1982) mengenai penukaran kod terhadap konteks sosial dan situasi perbualan. Selain itu, pengkaji itu juga mendapati bahawa penukaran kod berlaku apabila pelajar ingin membuat kesimpulan penulisan dengan harapan bahawa pembaca memahami keseluruhan jalan cerita dengan jelasnya. Pengkaji turut memberikan contoh ayat yang mengandungi penukaran kod dalam perbualan dan penulisan pelajar daripada bahasa Jerman kepada bahasa Inggeris.

Seterusnya, Olcay (2005) mengkaji fungsi penukaran kod dalam pendidikan bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Olcay menganalisis pihak yang terlibat dalam penukaran kod bahasa Inggeris kepada bahasa Maori, sama ada pelajar atau pengajar. Kaedah kajiannya ialah rakaman perbualan antara pelajar. Pengkaji ini merumuskan bahawa fungsi penukaran kod oleh pelajar ialah kesetaraan (equivalence), menahan giliran bertutur/ menyokong ayat (floor-holding), pengulangan (reiteration) dan kawalan konflik (conflict control). Fungsi penukaran kod oleh pengajar pula ialah perubahan topik (topic switch), afektif (affective) dan penegasan makna (repetitive). Dengan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Olcay ini, didapati bahawa penukaran kod dalam pendidikan bahasa asing bukanlah sesuatu yang dipandang negatif, sebaliknya satu daripada strategi bagi membina interaksi dua hala antara pelajar dengan pensyarah di dalam kelas agar topik yang diajar difahami dengan jelasnya oleh pelajar.

Sana (2010) mengkaji fungsi penukaran kod dalam pendidikan bahasa asing berdasarkan fungsi penukaran kod oleh Olcay (2005). Dalam kajiannya, Sana memperkenalkan empat fungsi baharu penukaran kod. Fungsi pertama ialah fungsi antara pelajar, iaitu penukaran kod yang berlaku antara dua atau lebih pelajar ketika berbincang, bertanya soalan, meminta penjelasan atau bekerjasama dalam tugas kelas. Fungsi ini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan bahasa pertama untuk mendapatkan kefahaman dengan lebih cepat, menyelaraskan tugas dan menjimatkan masa komunikasi. Fungsi kedua ialah fungsi antara pelajar dengan penyelidik atau pensyarah. Fungsi ini biasanya digunakan apabila pelajar untuk meminta bantuan, mendapatkan pengesahan dan menjelaskan idea dengan lebih tepat melalui penggunaan bahasa pertama. Fungsi seterusnya ialah fungsi keselesaan, iaitu pelajar menukar kod untuk memberikan keselesaan psikologi dan linguistik kepada diri sendiri. Fungsi ini digunakan untuk mengurangkan tekanan ketika bercakap dalam bahasa kedua, mengelakkan rasa malu, mengembalikan kelancaran komunikasi dan menjadikan interaksi lebih semula jadi. Fungsi terakhir ialah fungsi untuk pernyataan maaf, iaitu pelajar menukar kod untuk meminta maaf, membetulkan kesalahan dan memulihkan kesantunan dalam komunikasi.

Bahasa yang dikaji ialah bahasa Inggeris dan bahasa Sweden. Sana menyatakan bahawa penukaran kod oleh pelajar berbeza-beza bergantung pada jenis soalan yang diutarakan, sama ada soalan sukar atau soalan mudah dalam bahasa asing. Pengkaji ini mendapati bahawa pelajar cenderung untuk bertukar kod apabila menjawab soalan yang sukar.

Malik Ajmal Gilzar et al. (2013) pula meneliti penukaran kod dalam kalangan pengajar bahasa Inggeris dan bahasa Urdu berdasarkan jantina. Pengkaji itu menjelaskan cara pengajar lelaki dan pengajar perempuan dapat berkomunikasi dengan baik dengan menggunakan penukaran kod. Menerusi kajian ini, didapati bahawa pengajar perempuan banyak bertukar kod berbanding dengan pengajar lelaki.

Akhir sekali, Sakamoto dan McKinley (2007) mengkaji faktor penukaran kod dalam kalangan pelajar di Jepun. Pengkaji ini mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penukaran kod, iaitu pertimbangan orang luar, identiti penutur, untuk menjelaskan maksud, kekurangan perbendaharaan kata, leksikal yang tidak berpadanan dan sikap tidak mengambil peduli oleh penutur.

Menerusi permasalahan yang diterangkan ini, objektif kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti bahasa yang bertukar kod dengan bahasa Jepun.
- ii. Menganalisis jenis penukaran kod berdasarkan Poplack (1980) dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun.
- iii. Menganalisis fungsi penukaran kod berdasarkan pendekatan Olcay (2005) yang berlaku dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian lapangan atau tinjauan untuk mengenal pasti penukaran kod dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Jepun. Kajian ini melibatkan pelajar tahun kedua Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun. Kaedah rakaman perbualan dilakukan dengan mengambil sampel 58 orang pelajar. Tempoh rakaman ialah tiga jam untuk setiap sesi (dua sesi). Dalam kajian ini, analisis dilakukan terhadap rakaman perbualan pelajar mengikut keperluan objektif kajian. Rakaman ini meliputi perbualan pelajar ketika kelas pembelajaran bahasa Jepun Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun. Hasil rakaman perbualan pelajar dan pensyarah ditranskripsikan menggunakan transkripsi mudah. Sebelum transkripsi dilakukan, rakaman ini diulang dengar untuk memastikan bahawa penukaran kod berlaku. Seterusnya, terjemahan daripada bahasa Jepun kepada bahasa Melayu dilakukan.

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori penukaran kod oleh Poplack (1980) yang sangat berpengaruh dalam kajian linguistik. Poplack memperkenalkan model linguistik penukaran kod dengan menekankan struktur tatabahasa apabila dua bahasa digunakan dalam satu ayat atau wacana. Menurut Poplack, penukaran kod dapat dikategorikan kepada tiga bentuk utama, iaitu tag, interayat dan intraayat. Teori penukaran kod Poplack (1980) ini sering dijadikan asas dalam kajian penukaran kod kerana teori ini menyediakan tipologi yang jelas dan praktikal untuk mengklasifikasikan jenis penukaran kod yang berlaku dalam interaksi dwibahasa. Bagi menentukan fungsi penukaran kod dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun, pengkaji menggunakan kerangka fungsi penukaran kod yang dikemukakan oleh Olcay (2005), iaitu peralihan topik, afektif, ulangan, padanan leksikal, mengisi ruang pertuturan, penegasan mesej dan kawalan konflik.

Penukaran kod tag melibatkan penyelitan unsur tag dalam sesuatu ayat atau ujaran. Penukaran kod intraayat pula melibatkan penukaran daripada satu bahasa kepada bahasa lain dalam ayat yang sama dan penutur menukar

bahasa pada bahagian tengah ayat. Contohnya, “Saya rasa *assignment* tu memang susah nak siap *on time*”. Fenomena penukaran kod intraayat memperlihatkan variasi terhadap aspek kata atau frasa yang disematkan dalam pertuturan (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2015). Menurut pengkaji itu lagi, penukaran kod jenis ini memerlukan kecekapan berbahasa yang lebih tinggi, yang biasanya melibatkan penutur dwibahasa yang setara.

Penukaran kod interayat pula ialah pertukaran bahasa yang berlaku antara dua ayat yang berasingan, iaitu satu ayat diucapkan dalam satu bahasa dan ayat seterusnya dalam bahasa lain. Contohnya “Saya dah siapkan laporan itu. But I’m not sure if it’s correct.” Dalam contoh ini, ayat pertama dalam bahasa Melayu, manakala ayat kedua dalam bahasa Inggeris. Dengan erti kata lain, perubahan bahasa berlaku pada sempadan antara ayat, bukan dalam ayat yang sama seperti penukaran kod intraayat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis data menunjukkan bahawa penukaran kod berlaku dalam kalangan pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Penukaran kod dikenal pasti berlaku antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Setiap bahasa ini mempunyai peranan dalam sokongan komunikasi dan pemahaman belajar bahasa Jepun dalam Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun. Secara terperinci, jumlah ujaran yang ditranskripsikan ialah sebanyak 58 ujaran. Daripada jumlah ini, sebanyak 22 ujaran yang mengandungi penukaran kod.

Bahasa yang Terlibat dalam Penukaran Kod

Dalam kajian ini, bahasa yang terlibat dalam penukaran kod ialah bahasa yang digunakan secara silih berganti oleh pelajar dalam situasi komunikasi di dalam kelas bahasa Jepun. Pengkaji mendapati bahawa sebanyak 12 ujaran yang melibatkan penukaran kod daripada bahasa Jepun kepada bahasa Melayu, dan 10 ujaran yang melibatkan penukaran kod kepada bahasa Inggeris. Daripada data ini, jelas ditunjukkan bahawa bahasa yang kerap terlibat dalam penukaran kod dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun ialah bahasa Inggeris

Penukaran Kod Tag

Bahagian ini membincangkan analisis penukaran kod tag. Contoh ujaran yang mengandungi penukaran kod tag dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Ujaran yang mengandungi penukaran kod tag.

Bil.	Ujaran
1.	まず、すべての人々がこじょが、 eh! すべての人々が異なる行動と考え方が持っているの (Maksud: Pertama, semua orang (kesilapan kata) eh! Disebabkan semua orang mempunyai tingkah laku yang berbeza dan cara berfikir yang berbeza.) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
2.	先生が教えたのはこれ ke? (Maksud: Macam ni ke apa yang cikgu ajar?) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
3.	うわ！先のデイビートはお面白いでしょう kan? (Maksud: Wah! Perdebatan tadi sangat menarik kan?) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
4.	みなさん、うるさいです。聞こえない lah! (Maksud: Kawan-kawan, bising! Saya tidak dengar lah!) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
5.	Wah あの人は性格がとてもいいですね。 (Maksud: Wah , peribadi orang itu amat bagus) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
6.	個室の場合はほかの人があなたに邪魔することができないでしょう か, kan? (Maksud: Mempunyai bilik persendirian menyebabkan orang lain tidak dapat mengganggu kita, kan?) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
7.	Eh , これはだめですか (Maksud: Eh, yang ini salahkah?) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu

Sambungan Jadual 1 Ujaran yang mengandungi penukaran kod tag.

Bil.	Ujaran
8.	Ala, この答えはどうしてこのようになる。 (Maksud: Ala, kenapa jawapan soalan seperti itu?)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
9.	うわ～先のテストはとても簡単でしょう, kan? (Maksud: Wah! Soalan tadi sangat senangkan!)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu

Dengan berdasarkan Ujaran (1)–(9), kod **eh**, **ke**, **kan**, **lah**, **wah** dan **ala** daripada bahasa Melayu disisipkan dalam bahasa utama, iaitu bahasa Jepun. Semua kod ini merupakan tambahan yang tidak menjejaskan makna atau tatabahasa ayat bahasa utama. Oleh itu, Ujaran (1)–(9) yang mengandungi kod **eh**, **ke**, **kan**, **lah**, **wah** dan **ala** dikatakan sebagai mengalami penukaran kod tag.

Penukaran Kod Intraayat

Bahagian ini membincangkan analisis penukaran kod intraayat. Contoh ujaran yang mengandungi penukaran kod intraayat ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Ujaran yang mengandungi penukaran kod intraayat.

Bil.	Ujaran
1.	もしえ～と roommate がいるなら生活は寂しくないとおもいます。 (Maksud: Sekiranya mempunyai rakan sebilik, saya fikir kehidupan tidak akan sunyi.)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
2.	そしてドア lock したら、大変だと思います。 (Maksud: Saya fikir perkara ini akan memberikan kesusahan sekiranya pintu terkunci.)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris

Sambungan **Jadual 2** Ujaran yang mengandungi penukaran kod intraayat.

Bil.	Ujaran
3.	Emergency の時どうすればいいかの準備が必要です。 (Maksud: Langkah persediaan awal haruslah diambil dalam hal kecemasan.) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
4.	それで、あの理解しやすくするため body language 使用され理解する可能になります。 (Maksud: Kemudian, untuk memudahkan pemahaman, penggunaan bahasa badan digunakan sebagai kaedah untuk memahami dengan lebih mudah.) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
5.	なぜかと言うと Malay 語だけではなく他の言語も話せます。 (Maksud: Bukan sahaja boleh berbahasa Melayu, namun boleh berbahasa lain.) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
6.	もし遅くまで勉強したかったら study lamp をつけてもいいと思います。 (Maksud: Sekiranya belajar sehingga lewat malam, saya fikir lampu meja boleh dipasang.) Bahasa utama : Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
7.	Extra 鍵があるこの鍵は靴に入れて困りませんか。 (Maksud: Sekiranya ada kunci berlebihan dan diletakkan di dalam kasut, tindakan ini menyusahkan) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
8.	時間があれば、いつも友達と MJII の Surau Riyadussolihin で勉強します。 (Maksud: Sekiranya ada waktu terluang, saya dan kawan akan ke Surau Riyadussolihin untuk belajar bersama-sama.) Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu

Dengan berdasarkan Ujaran (1)–(8) dalam dalam Jadual 2, kod *roommate*, *lock*, *emergency*, *body language*, *Malay*, *study lamp*, *extra* dan *surau* muncul dalam satu ayat yang sama dalam bahasa Jepun. Kehadiran kod bukan berbentuk tempelan kerana menjadi sebahagian daripada struktur ayat dalam Ujaran (1)–(8). Oleh itu, Ujaran (1)–(8) yang mengandungi kod *roommate*, *lock*, *emergency*, *body language*, *Malay*, *study lamp*, *extra* dan *surau* dikatakan sebagai mengalami penukaran kod intraayat.

Penukaran Kod Interayat

Bahagian ini membincangkan analisis penukaran kod interayat. Contoh ujaran yang mengandungi penukaran kod interayat dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Ujaran yang mengandungi penukaran kod interayat.

Bil.	Ujaran
1.	たとえば、なぜかと言うと、なぜか Apa lagi eh? (Maksud: Contohnya, mengapakah begitu, kenapa. Apa lagi eh?)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
2.	Oh, okey baiklah. ほかの、たとえばね、勉強したかったら 他の友達をさがして、他のルームに勉強すればいいと思いま す。 (Maksud: Oh, okey baiklah. Pada pendapat saya, sekiranya ingin belajar lebih baik, cari kawan lain dan belajarlah di bilik lain.)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Melayu
3.	そうですね。What should I say? 個室がいいならば、自分のも のを守ることがよいです。 (Maksud: Ya betul. Apakah yang perlu saya katakan? Sekiranya bilik persendirian bagus, makabarang peribadi dapat dijaga den- gan baiknya.)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris

Sambungan **Jadual 3** Ujaran yang menganduni penukaran kod interayat.

Bil.	Ujaran
4.	やっぱりいい日本語を話せば、たくさん本を読まなければなりません。 Must read. 図書館で本を借りて呼んでください。 (Maksud: Untuk bercakap bahasa Jepun dengan baiknya, kita mesti banyak membaca buku. Mesti baca. Pinjam buku di perpustakaan dan sila bacanya.)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris
5.	つまり、私は学生は個室で住んでいたらたくさんいい点をもらうことが大賛成です。 Agreed. (Maksud: Kesimpulannya, saya bersetuju bahawa bilik persendirian memberikan lebih banyak kebaikan kepada pelajar. Setuju)
	Bahasa utama: Bahasa Jepun Bahasa sisipan: Bahasa Inggeris

Bagi Ujaran (1)–(5) dalam Jadual 3, kod **Apa lagi eh?**, **Oh**, **okey baiklah**, *What should I say*, **Must read** dan **Agreed** ialah unsur daripada bahasa sisipan yang merupakan ayat lengkap yang mampu berdiri sendiri tanpa bergantung pada struktur bahasa Jepun dalam ayat di sebelahnya. Dalam hal ini, kod ini tidak mengubah atau menyatu dengan predikat, objek, subjek, atau partikel dalam bahasa utama, iaitu bahasa Jepun. Oleh sebab setiap kod ini membentuk unit klausa lengkap yang bebas dan muncul di antara dua klausa Jepun yang lengkap, kategori penukaran kod yang terlibat ialah interayat.

Hasil daripada analisis jenis penukaran kod dan bahasa sisipan yang digunakan oleh pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun menunjukkan bahawa penukaran kod yang paling kerap berlaku ialah penukaran kod intraayat, iaitu sebanyak 10 ujaran, diikuti oleh penukaran kod tag dan interayat, iaitu sebanyak sembilan ujaran dan tujuh ujaran, masing-masing.

Bagi penukaran kod tag, responden hanya menukar ujaran daripada bahasa Jepun kepada bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa responden lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam penukaran kod tag. Dalam hal ini, bahasa Melayu kekal sebagai bahasa asas yang mencerminkan identiti dan kesantunan penutur. Bagi penukaran

kod intraayat penukaran kod melibatkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, dengan pilihan utamanya ialah bahasa Inggeris.

Penukaran kod intraayat yang lebih kerap berlaku dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu ini menggambarkan kecenderungan penutur dwibahasa untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai alat penegasan atau penjelasan tambahan selepas menyampaikan maklumat dalam bahasa Jepun. Hal ini dapat dikaitkan dengan status bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan prestij tinggi yang sering dikaitkan dengan konteks akademik dan profesional. Oleh itu, penggunaan bahasa Inggeris dalam penukaran kod intraayat dapat dilihat sebagai strategi linguistik yang berfungsi untuk memperkukuh mesej dan menunjukkan kecekapan dwibahasa penutur. Secara keseluruhan, bahasa Inggeris menjadi pilihan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun dalam penukaran kod.

Fungsi Penukaran Kod

Fungsi penukaran kod merujuk tujuan atau sebab seseorang penutur beralih daripada satu bahasa ke bahasa yang lain dalam pertuturan. Fungsi ini dianalisis berdasarkan fungsi yang dikemukakan oleh Olcay (2005).

Fungsi Afektif

Menurut Olcay (2005), fungsi afektif penukaran kod merujuk penggunaan kod bahasa untuk menzahirkan emosi, membina hubungan interpersonal dan mewujudkan suasana sokongan dalam bilik darjah. Contoh ujaran yang menggambarkan fungsi ini ditunjukkan dalam Ayat (1)–(5).

- (1) **Eh**, これはだめですか
(Maksud: Eh, yang ini salahkah?)
- (2) **Wah**, あの人は性格がとてもいいですね!。
(Maksud: Wah, peribadi orang itu amat bagus sekali!)
- (3) **Ala**, この答えはどうしてこのようになる。
(Maksud: Ala, kenapa jawapan soalan seperti itu?)
- (4) みなさん、うるさいです。聞こえない **lah!**
(Maksud: Kawan-kawan, bising! Saya tidak dengarlah!)
- (5) うわ～先のテストはとても簡単でしょう, **kan?**
(Maksud: Wah! Soalan tadi sangat senangkan!)

Dalam Ujaran (1), kod **Eh** menggambarkan keadaan penutur yang terkejut atau tersedar bahawa perkara yang dinyatakan dalam perbualan

itu mungkin salah. Oleh itu, kod **Eh** berfungsi sebagai afektif kerana menunjukkan reaksi emosi penutur yang terkejut itu. Dalam Ujaran (2) pula, kod **Wah** menunjukkan bahawa penutur sedang memberikan reaksi positif terhadap maklumat mengenai sifat individu tertentu. Oleh itu, kod **Wah** menunjukkan fungsi afektif kerana menzahirkan reaksi emosi penutur yang kagum terhadap sifat individu tersebut. Bagi Ujaran (3), penggunaan kod **Ala** menandakan penutur yang berasa kecewa atau tidak puas hati terhadap jawapan bagi soalan yang ditanya. Reaksi penutur yang kecewa ini menjadikan kod **Ala** berfungsi sebagai afektif. Dalam Ujaran (4), kod **lah** menunjukkan bahawa penutur menegaskan perasaannya yang terganggu kerana suasana sekitarnya yang bising. Oleh itu, kod **lah** berfungsi sebagai afektif kerana menzahirkan reaksi penutur yang kecewa dengan suasana di sekitarnya. Bagi Ujaran (5), kod **kan** dituturkan oleh penutur untuk meminta pengesahan daripada pendengar terhadap soalan yang dibincangkan itu. Reaksi penutur yang menginginkan pengesahan menggunakan kod **kan** ini menjadikan kod tersebut berfungsi sebagai afektif.

Fungsi Menahan Giliran Bertutur

Menurut Olcay (2005), fungsi menahan giliran bertutur merujuk penukaran kod yang digunakan oleh pelajar atau guru untuk mengekalkan aliran pertuturan apabila tidak dapat segera mengingati kata, ungkapan atau struktur dalam bahasa sasaran. Fungsi ini digunakan untuk menunjukkan pengisian dalam perbualan seseorang yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan dengan penutur lain dalam bahasa sisipannya. Contoh ujaran yang memperlihatkan fungsi ini dapat diperhatikan dalam Ujaran (6)–(8).

- (6) もし遅くまで勉強したかったら **study lamp** をつけてもいいと思います。

(Maksud: Sekiranya belajar sehingga lewat malam, saya fikir lampu meja boleh dipasang.)

- (7) そうですね。今から説明します。まず、このポイントから **current** が流れ

(Maksud: Baiklah. Saya akan terangkan. Pertama sekali, arus akan mengalir bermula dari sini.)

- (8) それで、あの理解しやすくするため **body language** 使用され理解する可能になります。

(Maksud: Kemudian, untuk memudahkan pemahaman, penggunaan bahasa badan digunakan sebagai kaedah untuk memahami dengan lebih mudah.

Dalam Ujaran (6)–(8), fungsi penukaran kod sebagai menahan giliran bertutur merujuk penggunaan bahasa lain untuk menyokong, menjelaskan atau mengukuhkan maksud ayat utama yang diucapkan sebelumnya. Kod **study lamp**, **current** dan **body language** membantu pelajar untuk menyampaikan idea utama walaupun menghadapi kekangan leksikal dalam bahasa Jepun. Kata ini dapat menjelaskan konteks atau konsep yang sedang dibincangkan, membantu rakan atau guru memahami maksud sebenar. Dengan cara ini, penutur dapat mengekalkan aliran perbualan tanpa terhenti, sekali gus menunjukkan penguasaan komunikasi yang lebih lancar. Dalam hal ini, penutur beralih bahasa untuk memberikan penerangan tambahan atau contoh yang membantu pendengar untuk memahami mesej dengan lebih mendalam.

Penggunaan kod **study lamp** dalam Ujaran (6) memberikan penjelasan yang lebih jelas tentang itu yang perlu dilakukan jika seseorang perkara ingin belajar sehingga lewat malam. Dalam konteks ini, penutur menggunakan kod **study lamp** sebagai elemen untuk mengisi ruang dan memberikan konteks yang lebih tepat mengenai cadangan penutur. Bagi Ujaran (7), penutur menggunakan kod **current** untuk memastikan perbualan dapat diteruskan supaya pendengar lebih memahami perbualan, seterusnya penutur boleh melanjutkan ujarannya dengan lebih mudah tanpa perlu menghentikan ujarannya. Penutur menggunakan kod **body language** dalam Ujaran (8) untuk memberikan konteks yang lebih jelas supaya pendengar memahami perkara yang berkaitan bagi memudahkan pemahaman dalam konteks yang diperkatakan.

Kawalan Konflik

Menurut Olcay (2005), fungsi kawalan konflik bertujuan untuk mengawal konflik berbahasa ketika perbualan berlangsung dan pada masa yang sama, mengelakkan salah faham antara penutur dengan pendengar. Fungsi kawalan konflik dalam penukaran kod adalah untuk mengelakkan salah faham dan memastikan maksud sebenar dapat disampaikan dengan lebih tepat ketika komunikasi. Contoh ujaran yang mengandungi fungsi ini dapat dilihat dalam Ujaran (12)–(15).

- (9) 私はMRSM Kuala Kubu Baru で勉強しました。
(Maksud: Saya telah belajar di MRSM Kuala Kubu Baru)
- (10) 時間があれば、いつも友達と MJII の surau Riyadussolihin します。
(Maksud: Sekiranya ada waktu terluang, saya dan kawan akan ke Surau Riyadussolihin untuk belajar bersama-sama.)

- (11) 私はJADYPMの大学一年生です。
(Maksud: Saya daripada pelajar ijazah sarjana tahun satu JADYPM)
- (12) なぜかと言うと Malay 語だけではなく他の言語も話せます。
(Maksud: Bukan sahaja boleh berbahasa Melayu, namun boleh berbahasa lain)

Dalam Ujaran (12)–(15), fungsi penukaran kod sebagai kawalan konflik merujuk penggunaan bahasa lain untuk mengelakkan salah faham antara penutur. Kod **MRSM Kuala Kubu Baru**, **Surau Riyadussolihin**, **JADYPM** dan **Malay** digunakan untuk fungsi kawalan konflik dalam penukaran kod kerana membantu mengelakkan salah faham dan memastikan maksud mesej disampaikan dengan tepat. Kod **MRSM Kuala Kubu Baru** dalam Ujaran (12) digunakan secara spesifik untuk menyatakan lokasi atau subjek yang tepat dalam ayat. Dalam konteks penukaran kod, pelajar menyelitkan kod ini dalam bahasa Jepun untuk memastikan pendengar memahami institusi yang dirujuk. Penukaran kod kepada bahasa Melayu selepas nama sekolah untuk mengelakkan salah faham tentang lokasi.

Dalam Ujaran (13), kod **Surau Riyadussolihin** digunakan untuk menegaskan tempat tersebut. Hal ini dilakukan untuk menyelamatkan maklumat daripada disalah tafsir kerana pendengar mungkin tidak biasa dengan nama tersebut. Seterusnya, penggunaan akronim digunakan untuk merujuk organisasi tertentu secara tepat. Dalam Ujaran (14), penutur menggunakan akronim **JADYPM** untuk menambah penjelasan dan mengelakkan kekeliruan tentang pihak bertanggungjawab. Penggunaan kod **Malay** dalam Ujaran (12) adalah untuk menyatakan bahasa atau etnik secara spesifik. Fungsi kawalan konflik kata **Malay** adalah untuk memastikan pendengar tidak tersalah faham tentang identiti bahasa atau etnik yang dirujuk dalam perbualan tersebut.

Fungsi Perubahan Topik

Menurut Olcay (2005), fungsi perubahan topik digunakan apabila penutur ingin mengubah topik yang dibincangkan kepada bahasa lain ketika perbualan berlangsung. Fungsi perubahan topik ini adalah untuk mengatasi masalah kelancaran ketika berkomunikasi. Contoh ujaran yang mengandungi fungsi ini dapat dilihat dalam Ujaran (16)–(17).

- (13) 今日のテーマは寮は共有ルームより個室のほうがいいです。Okey. まず、反対側のチームを紹介します。
(Maksud: Tema pada hari ini ialah bilik perseorangan adalah lebih baik

daripada bilik perkongsian. Okey. Pertama sekali saya kenalkan bahagian pembangkang).

- (14) 私は司会のアミルと申します。タイムケーパはアイシャさんです。Okey! まず反対側の意見を聞きましょう。どうぞよろしくおねがいします。

(Maksud: Saya Amir, sebagai pengerusi majlis pada hari ini. Penjaga masa ialah saudari Aisya. Okey. Pertama sekali kita dengar cadangan daripada pihak pembangkang. Silakan.)

Dalam Ujaran (16)–(17), fungsi penukaran kod sebagai perubahan topik merujuk situasi apabila penutur beralih daripada satu bahasa kepada bahasa lain untuk menandakan peralihan topik perbualan. Kod **Okey** menandakan peralihan, iaitu penutur selesai memperkatakan perkataan utama dan tidak ingin menyambung untuk memperincikan perkara yang sama, sebaliknya ingin mula memperkatakan perkara yang lain. Dalam Ujaran (16), kod **Okey** digunakan oleh penutur untuk beralih kepada perkara seterusnya, iaitu memperkenalkan bahagian pembangkang. Sementara itu, dalam Ujaran (17), penggunaan kod **Okey** memberikan isyarat kepada pendengar untuk beralih topik daripada memperkenalkan diri kepada menjemput pembangkang untuk memberikan cadangan. Selain itu, kod **Okey** juga memudahkan pengurusan aliran pertuturan. Tanpa kod **Okey**, peralihan mungkin kelihatan tiba-tiba atau kurang jelas.

Menerusi fungsi penukaran kod ini, dapat dirumuskan bahawa fungsi penukaran kod sangat membantu untuk mempelajari bahasa Jepun agar komunikasi menjadi lebih lancar. Fungsi penukaran kod berperanan penting dalam proses komunikasi, khususnya dalam konteks pembelajaran dan interaksi dwibahasa. Penukaran kod bukan sekadar fenomena linguistik yang menunjukkan peralihan antara dua bahasa, tetapi juga alat komunikasi strategik yang digunakan oleh penutur untuk mencapai pelbagai tujuan sosial, kognitif dan pedagogi.

KESIMPULAN

Kajian ini memfokuskan penukaran kod yang berlaku dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun ketika kelas bahasa Jepun. Walaupun pelajar mempunyai kecekapan berbahasa Jepun yang baik, pelajar ini masih melakukan penukaran kod kepada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penukaran kod yang paling kerap berlaku ialah penukaran kod intraayat, diikuti oleh penukaran kod tag dan interayat.

Bahasa yang menjadi keutamaan ketika penukaran kod ialah bahasa Melayu, diikuti oleh bahasa Inggeris. Penukaran kod yang berlaku dalam kalangan pelajar Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun berfungsi untuk fungsi afektif, fungsi menahan giliran bertutur, kawalan konflik, dan fungsi perubahan topik. Oleh itu, semua penukaran kod ini digunakan secara terancang dan dapat dijelaskan menerusi teori yang digunakan.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohammed Azlan Mis: Konsep, reka bentuk kajian, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir; Nurhana Suhaimi: Pengumpulan data, analisis statistik, penginterpretasian hasil, konsep, reka bentuk kajian, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Auer, P. (1984). *Bilingual conversation*. John Benjamins.
- Auer, P. (1995). The pragmatics of code-switching: A sequential Approach. Dlm. L. Milroy, & P. Musyken (pnyt.), *One speaker, two languages: Cross-diciplinary perspectives on code-switching* (hlm. 115–135). Cambridge University Press.
- Auer, P. (1998). Introduction: Bilingual conversation revisited. Dlm. P. Auer (pnyt.), *Code-switching in conversation: Language, interaction and identity* (hlm. 1–24). Routledge.
- Dora Anak Raki, & Nur Ainil Sulaima. (2021). Code-switching practice in English language classrooms among Malaysian teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 534–549. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i8/10555>.
- Farah Syuhada Roslan, Noorzaina Idris, & Jelani Sulaiman. (2023). Effectiveness of using code-switching and the perceptions of teachers in practicing code-switching in English classrooms in SMK USJ 23, Selangor. *Jurnal al-Sirat*, 23(1), 80–90. <https://doi.org/10.64398/alsirat.v23i1.280>
- Gumperz, J. J. (1982). *Conversational code-switching in discourse strategies*. Cambridge University Press.
- Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. Longman.
- Liebscher, G., & Jennifer Daiely-O’cain. (2004). Learner code-switching in the content-based foreign language classroom. *The Canadian Modern Language Review*, 60(4), 501–526.
- Low May May, & Azlina Abdul Aziz. (2020). Teachers’ use of code-switching in ESL classrooms at a Chinese Vernacular Primary School. *International Journal of English Language and Literature Studies*, 9(1), 41–55.
- Malik Ajmal Gilzar, Muhd Umar Farooq, & Muhd Umer. (2013). Inter-sentential patterns of code-switching: A gender based investigation of male and female EFL teachers. *Canadian Center of Science and Education*, 6(11), 144–159.
- Mazlin Mohamed Mokhtar, Maizatulliza Muhamad, Aireen Aina Bahari, & Farah Natchiar Mohd Khaja. (2022). Dataset from code-switching between English and Malay languages in Malaysian Premier Polytechnics ESL classrooms. *Data in Brief*, 45. 108709. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2022.108709>
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). Gaya penukaran kod dalam kesusasteraan multilingual di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(3). 49–57.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah, & Sanimah Hussin. (2021). Code-switching as a communicative strategy among Malay students learning Japanese in Malaysia Higher Education Institution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 497–509. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i6/10176>

- Nur' Ain Elias, Aqilah Izzati Norzaidi, Mohamad Izhar Izzat Mohd Sabri, Charanjit Kaur Swaran Singh, Uma, Shanti Ramanlingam, & Mahendran Maniam. (2022). ESL learners' perceptions of code-switching in the English language classroom. *Journal of Asian Social Science*, 12(5), 158–168. <https://doi.org/10.55493/5007.v12i5.4494>
- Nur' Ain Elias, Othman, A. K., & Samat, N. (2022). Students' perception towards the use of code-switching in ESL classroom. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 602–616.
- Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim, & Shuhairimi Abdullah (2021). Penggunaan strategi komunikasi berdasarkan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 10, 105–113.
- Olcay, S. (2005). The functions of code switching in ELT classrooms. *The Internet TESL Journal* 11. <http://iteslj.org/Articles/Sert-CodeSwitching.html>. [5 April 2017]
- Poplack, S. (1980). Sometimes I'll start a sentence in Spanish y termino en espanol: Toward a typology of code-switching. *Linguistics*, 18(7), 581–618.
- Poplack, S., & Sankoff, D. (1981). A formal grammar for code-switching. *Paper in Linguistics*, 14(1–4), 3–45.
- Roslan, F. S., Hashim, H. U., & Yunus, M. M. (2023). Code-switching in English classrooms: Teachers' perception and practice. *Journal of English Language Teaching and Applied Linguistics*, 5(1), 29–38. <https://doi.org/10.46799/jst.v4i3.706>
- Sakamoto, M., & McKinley, J. (2007). *Exploring language + identity: Nature of codeswitching among Japanese students*. *Bulletin of the Faculty of Foreign Studies, Sophia University*, 42, 1–28.
- Sana Youkhana. (2010). *Code switching in the foreign language classroom*. <http://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:404799/FULLTEXT02.pdf>. [6 Jun 2017]
- Thurfatun Nadhifah, Nuria Haristiani, & Herniwati. (2022). Analysis of codeswitching and codemixing of Indonesian Japanese learners. *Proceedings of the Sixth International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (ICOLLITE 2022)* (hlm. 569–574). Atlantis Press. https://doi.org/10.2991/978-2-494069-91-6_88.